


Soalan 1 – 16. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Jururawat itu memakai topeng hidung untuk mengelakkan _____ wabak influenza A (HINI).
A berjangkit C dijangkitkan
B jangkitan D menjangkiti

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.




2. Dewan serba guna itu _____ oleh wakil rakyat kawasan itu.
A merasmikan C dirasmikan
B perasmian D merasmi
3. Penduduk kawasan tanah runtuh itu _____ ke penempatan baru oleh pihak berkuasa.
A berpindah
B dipindahkan
C perpindahan
D memindahkan
4. Wong menumpukan perhatian terhadap _____ gurunya.
A pengajaran C diajarkan
B mengajarkan D ajaran
5. Pelajar itu _____ untuk mewakili sekolah dalam pertandingan debat di peringkat daerah.
A memilih C terpilih
B pemilihan D pilihan

6. Nasi lemak merupakan sajian _____ rakyat Malaysia.
A digemari C penggemar
B kegemaran D menggemari

7. Kumpulan pelajar itu berkumpul untuk _____ tentang masalah pelajaran.
A berbincang
B dibincangkan
C perbincangan
D membincangkan

8. Ahmad terjatuh selepas kakinya _____ tunggul kayu.
A menyepak C disepak
B penepak D tersepak

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



9. "Usah kamu _____ radio itu jika tidak tahu berbuat demikian," kata abang kepada Yazid.
A dibaiki
B diperbaiki
C membaiki
D memperbaiki
10. Kami sekeluarga menjadi _____ abang untuk berjaya dalam pelajaran.
A mendorong C pendorong
B dorongan D didorong

11. Udara di Tanah Tinggi Cameron
sungguh _____.
- A sibuk
B nyaris
C nyaman
12. Lebu Raya Persekutuan _____
dengan kenderaan yang lalu-lalang.
- A sibuk C sempit
B terang D pantas



13. Murid-murid diminta jangan berbuat
_____ di dalam perpustakaan.
- A cepat C susah
B senyap D bising
14. Kok Hong tidak mempunyai ramai
kawan kerana dia _____.
- A baik C cuai
B ramah D sombong
15. Pak Aman amat _____ setelah
bekerja di sawah sepanjang hari.
- A letih
B becak
C lenyap
16. Bakul ini besar _____ ringan.
- A. tetapi
B. dan
C. kerana

Baca petikan dan jawab soalan berikut.

Pada hujung minggu yang lalu, Kelab Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak mengadakan gotong-royong menceriakan dan membersihkan perpustakaan sekolah. Semua ahli kelab berkumpul di perpustakaan sejak pukul 8.30 pagi lagi. Mereka melakukan tugas yang diarahkan oleh Cikgu Hasanah dengan penuh tanggungjawab.

Antara tugas mereka ialah mengemas dan menyusun buku, menampal buku yang koyak dan mengasingkan buku lama serta menampal poster baharu dan berita terkini tentang aktiviti ahli di papan kenyataan. Ahli dibahagikan kepada beberapa kumpulan supaya tugas dapat dilakukan dengan teratur dan cepat.

Semua kerja dapat disiapkan dalam masa yang singkat sahaja kerana mereka melakukan kerja dengan tekun dan bersemangat. Selesai melakukan tugas mereka menjamu selera di kantin sekolah. Cikgu Hasanah sangat gembira dan berpuas hati kerana ahli kelab saling bekerjasama menyiapkan tugas mereka.

17 Apakah nama kelab yang bergotong-royong membersihkan perpustakaan sekolah?

- A Kelab Kebersihan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak
- B Kelab Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak.
- C Kelab Keceriaan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak

18 Tujuan gotong-royong itu diadakan adalah untuk _____

- A menjaga kebersihan sekolah
- B mengikut arahan guru penasihat
- C mengisi masa lapang

19 Ahli kelab melakukan tugas yang diberi dengan penuh _____

- A bersemangat
- B tekun
- C tanggungjawab

20 Apakah aktiviti yang tidak dilakukan oleh ahli perpustakaan ?

- A membuat poster baharu
- B menampal buku yang koyak
- C mengasingkan buku lama

Isi tempat kosong dengan kata nama am yang betul.

kapal terbang longkang kedai doktor jala

1. Cikgu Tan membeli kertas di _____ buku.
2. Ayah dan ibu pergi ke Jepun dengan menaiki _____.
3. Kakak dan saya selalu bergotong-royong membersihkan _____ di sekeliling rumah.
4. Nelayan itu membawa _____ semasa turun ke laut.
5. Ali ke klinik untuk mendapatkan rawatan _____.